





KHAT ISLAMI: Kaligrafi Arifin Arif yang diinspirasikan oleh ayat al-Quran.



KREATIF: Salah satu contoh khat Datuk Arifin Arif.



JIWA SENI: Contoh lakaran khat oleh Datuk Mohd Arifin.

# Datuk Hj Arifin Arif pejuang khat Islami Sabah

Terus berkarya kerana minat mendalam seni khat berbentuk kufi



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

OB 2.11.2019 17  
HJ Mohd Arifin Arifanak ke lahiran Kampung Pimping daerah Beaufort pada tahun 1963, ramai yang mengenali beliau sebagai wakil rakyat dan juga seorang pemimpin masyarakat di daerah ke lahirannya namun kurang yang mengetahui bahawa ahli politik ini mempunyai jiwa seni yang sangat mendalam terutamanya dalam seni khat Islami.

Khat Islami adalah nama yang dipanggil kepada tulisan cantik penganut Islam sejak agama Islam berkembang di Tanah Suci Mekah lagi.

Oleh kerana pengikut agama Islam dilarang membuat dekorasi berkaitan binatang dan figura akhirnya mereka mencetuskan ciptaan seni alternatif yang mantap berkaitan tulisan khat kufi.

Dibesarkan dalam klangan keluarga yang kuat berpegang pada agama maka beliau dihantar menuntut di sekolah pendidikan agama di negeri Sabah sejak kecil sehingga peringkat menengah.

Memulakan pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Pimping Membakut, kemudian melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah St Patrik Membakut.

Kemudian beliau melan-

jutkan pelajaran di Sekolah Ugama Islam Toh Puan Hjh Rahmah Kota Kinabalu. Semasa di sekolah itu Datuk Mohd Arifin menjadi ahli Persatuan Zulfikard dan selalu mengambil bahagian dalam pertandingan sepanduk di mana beliau sering diminta membuat reka bentuk sepanduk untuk Hari Maudulir Rasul setiap kali datangnya bulan Maulidul Rasul dan oleh kerana sangat kreatif tulisan ciptaan beliau selalu mendapat kemenangan setiap tahun sekolah itu mengambil bahagian.

Sejak dari itu minat seni khat beliau mulai mendalam dan mula membuat kajian berkaitan aspek tulisan khat Islami.

Minat dan keyakinan itu berkarak umbi apabila beliau melanjutkan pelajaran agama di Universiti Al-Azhar, dalam jurusan Bahasa Arab.

Ketika di Mesir beliau menyaksikan bahawa seni khat sangat popular bukan sahaja sebagai tulisan kebangsaan bahkan khat menjadi dekorasi di semua tempat terutamanya di pusat perniagaan, industri dan juga di tempat ibadah.

Persekutuan di negeri Mesir dan negara timur tengah yang dilawatnya semasa berada di sana memberikan inspirasi serta impak yang sangat kuat kepada beliau untuk memulakan tulisan khat mengikut gaya dan corak yang diingini.

Pada kebiasaanaya ayat-ayat yang dihasilkan beliau adalah berkaitan surah-surah dari al-Quran dan ada juga yang dipetik dari puisi beliau sebagai hasil estetika dan juga dakwah kepada masyarakat.

Beliau belajar kaligrafi jenis kufi dengan Ustaz Saidin Musi ketika sama-sama belajar di Sekolah Menengah Ugama Islam Toh Puan Hjh Rahmah, Sembulan.

Setelah mendapat ijazah

balam bahasa Arab dan Ugama beliau memulakan penerokaan seni khat menuju kepada masyarakat kontemporari umpamanya berdakwah melalui seni khat.

Seterusnya beliau menyambung pengajian peringkat sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Minat Mohd Arifin Arif terhadap seni tidak terhenti di bidang seni khat sahaja malah beliau juga minat menulis karya tulisan kreatif, beberapa buah karya puisi beliau telah diterbitkan dalam antologi puisi umpamanya yang bertajuk 'Api Laut Merah' puisi unsur Islam yang biasanya dibicarakan oleh warga seni sastera tempatan.

Sehingga kini beliau pernah menghasilkan lebih 20 buah penerbitan berbagai genre.

Setiap kali ada acara yang dianjurkan oleh beliau seperti Mahrajan setiap tahun beliau sendiri yang akan melakarkan khat Islami berbentuk kufi untuk dijadikan persembahan cenderahati kepada tetamu kehormat yang diundang setiap tahun.

Di samping itu beliau juga menjadi penggerak kepada kepada Nadwah Sastera Islam dimana diadakan deklarasi sajak dari seluruh negeri Sabah dan juga dari negara jiran dan tetangga seperti Borneo, Indonesia dan Semenanjung Malaysia.

Tokoh-tokoh yang dijemput didatangkan khas dari negara jiran misalnya Abdul Hadi WM, pemusi sufi Indonesia, Taufik Ismail, Supardi Joko Damono dan ramai lagi yang pernah menjelaskan kaki ke pesta pengucapan puisi Islam anjuran Majlis Agama Islam Sabah semasa beliau menjadi pengarahnya dan juga pemimpin beberapa pertubuhan NGO negeri Sabah.

Beliau juga penggalak uta-

ma penerbitan yang berunsur Islammelalui majalah Shantul Islam atau Suara Islam semasa menjadi Pembantu Menteri Hal Ehwal Agama Negeri Sabah.

Oleh kerana terlalu minat dalam seni khat beliau sering membuat lakaran ataupun lukisan tulisan khat di mana sahaja berada kerana sifat yang tidak suka membuang masa sama ada di dalam kereta, di dalam penerbangan dan juga semasa cuti bersantai bersama keluarga.

Biasanya ilham yang datang dari ayat suci al-Quran disusunserta digarap oleh beliau agar susunan huruf serta adab meletakkan kalimah dapat diharmonikan agar sedap dipandang mata.

Tulisan kaligrafi adalah disiplin seni yang sangat luhur kerana tulisan itu diciptakan bertujuan menarik perhatian khalayak untuk membaca terus bagi mendapat manfaat dari kesan tulisan itu.

Biasanya kaligrafi terdapat dalam tulisan tamadun dunia seperti Eropah, China, Tibet, Arab dan sebagainya.

Kaligrafi Islam berkembang bersama perkembangan agama Islam seluruh dunia menurut sejarah dari Andalusia hingga ke negara China.

Oleh sebab itu perkembangan kaligrafi Arab juga berkembang mengikut perubahan masa terutamanya dengan perkembangan teknologi seni kaligrafi Islam juga wujud dalam berbagai bentuk dan komposisinya.

Arifin berkarya dalam kaligrafi kufi yang berasal dari Bandar Kufa Iran. Walaupun kaligrafi itu adalah kaligrafi pertama dalam sejarah Islam namun tulisan itu telah mendapat banyak peningkatan serta perubahan dari asal mengikut keperluan semasa umpamanya ia senang untuk disusun dan khat bebas untuk membentuk mengikut emosi dan tujuan terutama sekali

apabila diciptakan menggunakan kaedah geometrik.

Di samping itu beliau juga pernah memegang beberapa jawatan dan berpeluang mengangkat seni khat sama ada dalam negeri maupun luar.

Banyak sudah karya yang dihasilkan sejak Datuk Arifin menceburkan diri dalam seni khat umpamanya ia telah dijadikan koleksi di bangunan pejabat Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan juga koleksi oleh pemimpin negeri dan negara.

Tujuan beliau berkarya adalah untuk melahirkan pendapat serta ingin memberikan suntikan baharu dalam seni khat berbentuk kufi.



MINAT MENDALAM: Ketika melakar khat di dalam kenderaan.



DI MANA SAHAJA: Melakar khat semasa dalam penerbangan.



MESRA: Penulis bersama Datuk Hj Mohd Arifin Arif (kanan).



TERSOHOR: Cenderahati kaligrafi kepada pemimpin.